

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

Pusat Perundingan Strategik Antarabangsa dan Matlamat Pembangunan Mampan UKM *Center for International Strategic Negotiations and Sustainable Development Goals* (UKM ISN-SDG)

1.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN

Objektif pertandingan ini adalah untuk mendapatkan satu (1) logo Pusat Perundingan Strategik Antarabangsa dan Matlamat Pembangunan Mampan UKM (UKM ISN-SDG).

2.0 SYARAT PERTANDINGAN

2.1 Penyertaan

Penyertaan pertandingan ini terbuka kepada semua. Peserta pertandingan dibenarkan menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan dan setiap reka bentuk logo hendaklah dikepilkan dengan keterangan setiap logo yang dihantar.

2.2 Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- Reka bentuk logo mestilah asli (tidak dceduk / ditiru / diciplak dari mana-mana sumber).
- Saiz logo berukuran kertas A4 (maksimum saiz logo 210mm x 250mm).
- Logo perlu menekankan elemen kewatanan dan futuristik yang menggambarkan identiti dan imej Pusat Perundingan Strategik Antarabangsa dan Matlamat Pembangunan Mampan UKM (UKM ISN-SDG).
- Reka bentuk perlu dihasilkan dengan menggunakan perisian *Grafik Adobe Illustrator (AI)*.
- Penerangan setiap warna dan elemen yang digunakan perlu diterangkan dalam lampiran berasingan.

2.3 Dokumen Permohonan Penyertaan

- Berikut ialah dokumen yang perlu dilampirkan bagi setiap reka bentuk (*attachment files*).
 - Borang penyertaan yang lengkap (Lampiran A).
 - Dokumen reka bentuk logo dalam salinan lembut (*Adobe Illustrator* DAN *jpeg/png/pdf*).
- Semua dokumen penyertaan perlu diemelkan kepada urusetia pertandingan melalui emel pghisn-sdg@ukm.edu.my DAN wanhazim@ukm.edu.my (En. Wan Muhammad Hazim) dengan menggunakan tajuk emel: Pertandingan Mencipta Logo Pusat UKM ISN-SDG
- Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Wan Muhammad Hazim melalui emel: wanhazim@ukm.edu.my

2.4 Tarikh Tutup Penyertaan

Tarikh tutup penyertaan ialah 30 Jun 2025.

2.5 Penilaian Pertandingan

Proses penilaian akan dilakukan oleh barisan juri yang dilantik. Keputusan pertandingan adalah **MUKTAMAD**.